BAB 5

IKTIKAD TEGUH MEREALISASIKAN IDEAL

5.1 Ikhtiar Awal

Setelah nama terharum kerana penghasilan *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* dan kareer mengajarnya dijangkakan akan berkembang dengan lebih maju, Liang Shuming sebaliknya telah berkeputusan meletak jawatan dan meninggalkan Universiti Beijing pada musim panas tahun 1924.[1] Pemergian tersebut disebabkan beliau berpendapat dirinya hanya sudah menyelesaikan krisis kebudayaan Cina pada peringkat falsafah. Namun, sebagai orang alim, kesempurnaan ilmu hanya akan tercapai apabila ilmu di dada dipraktikkan dalam realiti. Justeru, lapan tahun berikutan penerbitan karya agungnya itu merupakan jangka waktu Liang Shuming berusaha gigih menggagau suatu program konkrit yang dapat merangkum dan mengabulkan pengkonsepsian kebudayaannya.

Tatkala itu, terdapat dua tempat yang amat menarik perhatian beliau: Guangdong di selatan China dan Shandong di timur laut China. Di Guangdong, rakannya, Li Jishen (1885-1959) dan Chen Mingshu (1888-1965) telah bersungguh-sungguh mengajak beliau bertolak ke selatan China untuk menyertai revolusi Parti

[1] Cai Yuanpei, canselor Universiti Beijing pada ketika itu telah berusaha sedaya upaya menasihati dan mengekalkan Liang Shuming supaya terus berkhidmat di institusi tersebut. Namun, Liang Shuming tetap tidak mengubah keputusannya. Selain itu, antara sebab-sebab yang besar kemungkinan menyebabkan beliau ingin meninggalkan Universiti Beijing adalah jurang perbezaan tahap pencapaian pendidikan formal di kalangan rakan sekerja dan masalah komunikasi sesama mereka. Rujuk "Jinian Cai Yuanpei Xiansheng" (Mengenang Encik Cai Yuanpei), *LSQ*, 6: 334; Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming) (Hunan: Hunan Chubanshe, 1992), hlm. 35

Kuomintang;[2] manakala Wang Hongyi, seorang kawan yang giat berusaha membangun maju kawasan desa di Shandong turut beberapa kali mengajaknya ke Shandong supaya bersama-sama menguruskan Sekolah Menengah Caozhou di situ dan membuat persiapan bagi penubuhan Universiti Qufu Shandong.

Kedua-dua pelawaan itu benar-benar menarik hati Liang Shuming, sungguhpun begitu beliau telah mempertimbangnya dengan teliti. Bagi beliau, dirinya tidak mempercayai penyatuan China dapat dikecapi melalui revolusi dan pendekatan kekerasan. Sebaliknya, beliau lebih berhasrat merealisasikan idaman-idamannya dalam aspek pendidikan yang dipercayai dapat memajukan China. Maka, pada musim gugur tahun 1924, beliau tidak ke selatan China tetapi berangkat ke Shandong.

Keputusan Liang Shuming itu tidak memeranjatkan kerana beliau sememangnya ingin mempraktikkan ideal-idealnya yang terkandung dalam *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*. Malah, sebagai intelektual yang sebenarnya, tindakan beliau adalah selaras dengan teladan intelektual yang diutarakan oleh Edward W. Said, seorang sarjana terkemuka Barat:

> Intelektual ialah individu yang berkeupayaan [memberitahu] kepada (*to*) orang awam dan untuk (*for*) orang awam [dengan] mewakili, mempersembah, menyatakan maklumat, pandangan, sikap, falsafah ataupun pendapat dirinya. ... ... mempunyai pandangan jauh terhadap masyarakat dengan hasrat yang ghairah ... ...[3]

Lagipun, pemikiran beliau yang senantiasa mementingkan utiliti telah mempengaruhinya menjalankan penyelidikan akademik bukan untuk tujuan akademik

---

[2] Kedua-dua Li Jishen dan Chen Mingshu merupakan panglima dan pemerintah wilayah (*provincial governer*) Kuomintang di Guangdong. Tempoh Li Jishen memegang jawatan tersebut adalah antara Jun 1927 sehingga November 1928; manakala Chen Mingshu menjawat jawatan itu sejak November 1928 sehingga 1931. Rujuk Hung-Mao Tien, *Government and Politics in Kuomintang China 1927-1937* (Stanford: Stanford University Press, 1972), hlm. 14-15 dan 121.

[3] Edward W. Said, *Zhishi Fenzi Lun* (*Representations of the Intellectual*), terjemahan Shan Te-hsing (Taipei: Rye Field Publishing Company, 1997), hlm. 48 dan 57.

tetapi demi menyelesaikan dua persoalan yang terpenting baginya, iaitu persoalan China dan kehidupan manusia. Tekad beliau dalam mengejar dan menunaikan cita-citanya benar-benar memaparkan personaliti intelektual yang mulia kerana tidak hanya terhad menimba ilmu dalam menara gading, tetapi juga amat prihatin terhadap masyarakat dan keadaan semasa.

Namun, mengenai pengalamannya di Shandong, Liang Shuming tidak pernah bercerita panjang. Walaupun begitu, usaha beliau telah menemui kekandasan di sana merupakan kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Sebenarnya, beliau berharap melalui siri-siri ceramah, menceburi bidang pendidikan dengan memaparkan moral etika Konfusianisme, sikap orang Cina dapat disedarkan supaya menerima kebudayaan Barat dan berikhtiar menyelesaikan masalah kebudayaan Cina yang kini tersekat di "leher botol". Malangnya, usaha-usaha tersebut tidak menampakkan hasil yang memuaskan dan kebuntuan dalam menguruskan Sekolah Menengah Caozhao telah amat menghampakan beliau. Justeru, Liang Shuming sekali lagi berkeputusan menyisihkan diri daripada sebarang penglibatan aktiviti sosial antara tahun 1925-1926.[4]

[4] Mengenai keputusan menyisihkan diri itu, Liang Shuming pernah menggambarkan kehidupannya seperti berikut: "... tidak berjaya menguruskan sekolah di Caozhou, amat menyesali tetapi juga menyedari sesuatu; sekembalinya, berkeputusan mengasingkan diri selama 3 tahun. Bagi jemputan dan pelawaan daripada pelbagai pihak, saya menolak kesemuanya. Niat asal menyisihkan diri ialah mengharapkan diri akan mencapai serba sedikit kemajuan, barulah kembali semula berkhidmat untuk masyarakat. Tidak didugakan, setahun demi setahun berlalu, saya tidak berkembang maju, ... tidak bersemangat, ...". Lihat *Shuming Sahou Wenlu* (Koleksi Karya-karya Shuming Selepas Usia 30), terbitan Shangwu Yinshuguan, 1930, hlm. 118-119. Dipetik daripada Jing Haifeng dan Li Yeming, *Liang Shuming Pingzhuan* (Biografi dan Kritikan Terhadap Liang Shuming) (Beijing: Renmin Chubanshe, 1999), hlm 89.

5.2 Kesedaran Mengejut: Projek "Pembinaan Kawasan Desa"

Meskipun Liang Shuming memberhentikan semua aktiviti sosialnya, tetapi sepanjang tempoh tahun 1925-1926, beliau telah menjalani kerja-kerja mengemaskini karya-karya arwah ayahnya untuk diterbitkan. Di samping itu, minda beliau tidak pernah berehat buat seketika kerana pada masa yang sama dirinya masih senantiasa memikirkan kemelut kebudayaan Cina. Kemudian, atas "kesedaran mengejut" yang didakwa oleh diri beliau, mengumumkannya telah menjumpai penyelesaian sebenar bagi masalah China dengan mengatakan bahawa:

> Apakah yang telah disedari? Sebenarnya, bukan menyedari apa-apa perkara yang baru, tetapi telah menyapu bersih segala keraguan dan memperolehi keyakinan diri: [ini bermakna] dahulu kala, [terdapat] perkara-perkara yang meragu-ragukan tetapi tidak berani menyangkalnya, kini telah berani menyangkalnya; dahulu kala, perkara-perkara yang dilihat tetapi tidak berani mempercayainya, kini telah berani mempercayainya! Apakah yang telah disangkalkan? Menyangkal segala mainan Barat, malah tidak lagi asyik terhadapnya! Apakah yang telah dipercayai? Mempercayai kita mempunyai cara tersendiri untuk membina watan, malah tidak lagi gentar![5]

Daripada kata-kata Liang Shuming, didapati bahawa beliau tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap keberkesanan sistem Barat dalam menyelesaikankan masalah China. Sebaliknya, beliau teguh mempercayai bahawa kemelut China hanya dapat diselesaikan oleh orang Cina sendiri dan bergantung pada elemen-elemen yang sedia ada dalam kebudayaan Cina. Dengan itu, beliau menamakan "kesedaran mengejut" itu sebagai "Kesedaran Terakhir Gerakan Menyelamat Diri Etnik Cina" (*Zhongguo Minzu Zijiu Yundong zhi Zuihou Juewu*) dan satu-satunya pendekatan yang sebenar bagi China ialah "Pembinaan Kawasan Desa" (*Xiangcun Jianshe*, selepas ini disebut PKD).

Sepintas lalu, makna sempit PKD ialah memaju dan memakmurkan kawasan desa, serta menyelesaikan keperluan asas golongan petani China. Namun, idea Liang Shuming tidak terhad dalam konteks yang sempit itu sahaja. Sebaliknya, "kawasan

[5] "Zhubian Benkan zhi Zibai" (Sepatah Kata Mengedit Majalah), *LSQ*, 5: 13.

desa" juga merujuk kepada China secara khususnya. Maka, PKD turut membawa erti pembinaan semula kebudayaan Cina.[6] Dengan kata lain, Liang Shuming berharap kebudayaan Cina akan berwajah baru setelah melalui metamorfosis PKD.

Teori PKD pada asasnya adalah berlandaskan pemahaman Liang Shuming terhadap kebudayaan masyarakat Cina dan Barat. Beliau mendakwa bahawa walaupun China selama ini tidak mengecapi kemajuan besar dalam pelbagai aspek, tetapi masih mampu kekal sebagai entiti kebudayaan.[7] Keadaan ini disebabkan China merupakan sebuah masyarakat yang berasaskan etika dan moraliti serta bersifat "pengkhususan pekerjaan" (*occupationally differentiated*).[8] Struktur masyarakat Cina itu jika dibandingkan dengan Barat akan wujud dua perbezaan yang ketara: pertama, strata sosial yang longgar dan samar-samar; kedua, tidak wujud revolusi.[9] Justeru, sifat-sifat tersebut menyebabkan sepanjang sejarah China hanya berlaku kekacauan politik dari semasa ke semasa, tetapi tidak muncul revolusi yang benar-benar ingin mengubah asas-asas orde masyarakat.

Maka, beliau berasa menyesal melihat orang Cina berlumba-lumba mencontohi Barat secara buta tuli tanpa mempertimbang keselarasannya dengan kebudayaan dan masyarakat Cina. Akibatnya China bukan sahaja tidak mengecapi kemajuan yang

---

[6] Xiong Lumao, *Liang Shuming de Wenhua Sixiang yu Zhongguo Xiandaihua* (Pemikiran Kebudayaan Liang Shuming dan Modenisasi China) (Hunan: Hunan Jiaoyu Chubanshe, 2000), hlm. 164.

[7] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina) (Hong Kong: Sanlian Shudian, 1989), hlm. 2.

[8] Bagi Liang Shuming, masyarakat yang berlandaskan etika dan moraliti bermakna hubungan silaturahim antara individu-individu yang saling berkaitan, mempunyai obligasi masing-masing sesama mereka. Maka, masyarakat sebegitu membawa ciri "pengkhususan pekerjaan", iaitu strata masyarakat yang tidak rigid dan memudahkan mobiliti sosial. Kebebasan dan kelonggaran sosial begitu membenarkan setiap individu berpeluang menceburi bidang politik dan ekonomi mengikut kemampuan masing-masing melalui menduduki peperiksaan awam dan jual beli tanah yang bebas untuk mencapai citi-cita masing-masing. Dengan itu, tiada mana-mana pihak yang dapat memonopoli dalam bidang politik dan ekonomi. Lihat Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 77-80 dan 148-160.

[9], "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 175.

diingini tetapi mengalami kecelakaan yang bertalu-talu. Justeru, beliau menegaskan bahawa China tidak seharusnya mengikuti hala tuju Barat kerana haluan itu tidak berpadanan dengan kebudayaan Cina dan tidak wajar mengarah ke kapitalisme kerana keadaan realiti China yang tidak membenarkan.

Jikalau kapitalisme tidak bersesuaian untuk China, apakah jalan penyelamat bagi China? Bagi Liang Shuming, jawapannya ialah PKD. Oleh itu, demi manfaat masyarakat Cina, beliau menjadi aktif semula dan giat mempromosi gagasannya dengan mengemukakan saranan PKD dalam jurnal-jurnal dan menganjurkan siri-siri ceramah di Guangdong pada sekitar tahun 1928. Berikutannya, untuk mengumpul pengalaman yang lebih banyak, beliau telah melawat ke Nanjing, Jiangsu, Hebei dan Shansi yang masing-masing telah melaksanakan program maju diri seperti PKD.

Dengan mendalami idea PKD, dua elemen perdana yang terkandung dalamnya ialah sosialisasi ekonomi dan demokratisasi politik, iaitu suatu konsep yang menggantikan sains dan demokrasi yang hangat didebatkan oleh arena akademik China ketika itu. Liang Shuming berpendapat bahawa obligasi terutama orang Cina ialah mengorganisasi semula aspek ekonomi dan politik China. Ini bermakna China perlu terlebih dahulu memajukan sektor pertanian dan seterusnya merombak semula struktur politik. Beliau mempercayai bahawa ekonomi merupakan asas politik, jika ekonomi mundur, impaknya adalah berentet-rentet kerana sektor pendidikan akan ketinggalan, menyebabkan tahap pengetahuan anggota-anggota masyarakat menjadi rendah, lalu tidak berkeupayaan menceburi ataupun prihatin terhadap politik.

Selain itu, faktor utama yang mendorong Liang Shuming memilih kawasan desa sebagai tempat permulaan pembinaan semula kebudayaan Cina adalah kerana beliau mempercayai kekuatan sebenar kebudayaan Cina bermula dari situ.[10] Meskipun begitu, peranan dan penglibatan intelektual dalam program PKD tidak dapat diketepikan kerana:

> Masalah hanya akan diselesaikan apabila berganding bahu dengan mereka yang berilmu, berpandangan, berakal baru, berkemahiran baru ... ... kedua-dua daya penggerak [intelektual dan penduduk desa] bergabung menjadi satu tenaga kuat. [umpama] otak dan jasmani bersatu, maka penyelesaian masalah China menjadi agak mudah.[11]

Malah, beliau berkeyakinan tinggi bahawa pembentukan masyarakat ideal PKD akan tercapai dengan kombinasi unsur-unsur berikut:



Rajah 4 Empat Elemen Utama Pembinaan Kawasan Desa (PKD)

Keempat-empat unsur anjuran Liang Shuming mempunyai rasionaliti di sebaliknya, kerana beliau yakin bahawa aplikasi sains dan teknologi akan membawa kemajuan kepada bidang pertanian yang selanjutnya akan membimbing China ke arah

---

[10] "Zhen Liliang yao cong Xiangcun Yunniang Chulai" (Kekuatan Sebenar Berpunca Dari Desa), *LSQ*, 2: 96.

[11] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 351; "Minzhong Jiaoyu Heyi Neng Jiu Zhongguo" (Bagaimana Pendidikan Awam Dapat Menyelamatkan China), *LSQ*, 5: 485.

industrialisasi dan modenisasi tersendiri.[12] Di samping itu, beliau berpendapat struktur masyarakat China adalah longgar, maka penyusunan semula masyarakat dalam suatu entiti politik yang berfungsi mengekalkan orde masyarakat akan memudahkan proses pelaksanaan sistem pendidikan. Dalam bidang pendidikan, beliau mengutarakan pendidikan tatatertib (*li*) dan muzik (*yue*) Konfusianisme kerana mempercayai kedua-duanya dapat membentuk sahsiah manusia yang mulia di samping orde masyarakat yang baik dapat diwujudkan. Ini secara tidak langsung akan menggantikan pendidikan umum, kongkongan undang-undang dan agama.

Idea PKD Liang Shuming menunjukkan beliau menganggap kemunduran dan kemelut China bukannya persoalan politik mahupun ekonomi tetapi persoalan kebudayaan. Oleh itu, pelaksanaan PKD tidak hanya merujuk kepada pembangunan kawasan desa, tetapi penyelesaian pelbagai masalah masyarakat China, khususnya persoalan kebudayaan. Kalakian, beliau merumuskan bahawa:

> Pembinaan Kawasan Desa [PKD], pada hakikinya bukan membangunkan kawasan desa, sebaliknya merupakan pembangunan masyarakat China secara keseluruhannya, ataupun dapat dikatakan sebagai gerakan membangunkan negara.[13]

Petikan di atas jelas memaparkan iktikad Liang Shuming menyelesaikan persoalan China dan kebudayaan Cina melalui kepraktikan ilmunya. Manakala bagi kritikan yang mengatakan bahawa kemerosotan China disebabkan oleh gugusan ciri-ciri seperti kemiskinan, kejahilan, lemah dan mementingkan diri sendiri, beliau menangkis tuduhan tersebut dengan mengatakan bahawa:

---

[12] Liang Shuming senantiasa mengkritik industrialisasi Barat kerana telah memperlihat pelbagai impak-impak negatif. Justeru, beliau berpendapat China tidak seharusnya menjejaki corak industrialisasi Barat, sebaliknya mengikuti jalan yang berlainan, yakni: "Jalan yang berlainan itu, berpunca daripada sektor pertanian berkembang menjadi perindustrian, ..." Lihat "Xiangcun Jianshe Zhiqu" (Matlamat Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 5: 579.

[13] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 161.

> Persoalan China bukannya seperti yang dikatakan [oleh pihak lain], tetapi hanya semata-mata disebabkan ketidakseimbangan kebudayaan yang menunjukkan gejala-gejala keruntuhan struktur masyarakat dan kelumpuhan politik.[14]

Pandangan Liang Shuming menunjukkan beliau berpendapat kemunduran China adalah akibat negatif daripada kekurangan dalaman kebudayaan Cina, iaitu pasif, tidak agresif, struktur organisasi yang longgar dan kecetekan dalam teknologi sains, di samping mengakui kadar kemajuan yang tidak sekata antara kebudayaan Barat dan Cina. Lantas, beliau menegaskan pertembungan kebudayaan Barat-Cina telah mengakibatkan krisis ketidakseimbangan kebudayaan, lalu mencetuskan masalah dalaman China:

> Pertama, mengalami hentaman kuat dari luaran [imperialisme], lalu mengungkitkan dalaman [China] meminta perubahan dan rombakan; kedua, setelah memahami ideal-ideal dari luar, menggerakkan [China] menambah permintaan terhadap revolusi kebudayaan yang sedia ada; ketiga, kuasa-kuasa dan kebudayaan luar telah mengubah masyarakat China, ...[15]

Kata-kata beliau jelas memaparkan hasratnya yang ingin menyatakan bahawa walaupun dari segi kekuatan fizikal China telah ditewaskan, namun dari aspek kebudayaan, ia masih unggul kerana kegagalan dan kekurangan China kini sebenarnya berasal daripada kejayaan dan kelebihan silamnya.[16] Malah, mengenai ketidakupayaan reaksi kebudayaan Cina kepada ancaman luar, beliau menyimpulkan bahawa:

> Sememangnya disebabkan sejarah etnik ini [China] terlalu panjang, latar belakang yang begitu kuno, terlalu dikongkong oleh tradisi silam, maka keupayaan mengadaptasi kepada persekitaran baru menjadi begitu sukar; ... ... (dalam pada itu, jika etnik gergasi yang bertamadun tinggi ini sekali berjaya membina semula kekuatannya, sumbangannya kepada manusia sejagat tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pihak ... ...[17]

---

[14] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 164.
[15] "Zhongguo Wenti zhi Jiejue" (Penyelesaian Masalah China), *LSQ*, 5: 211.
[16] Perihal pandangan di atas, beliau telah memberi contoh-contoh bahawa jika bukan kerana kebudayaan Cina yang unggul, masyarakat Cina selama ini tidak dapat menikmati keamanan, kedamaian dan kebahagiaan hidup sejak beribu-ribu tahun dahulu, di samping dapat mengelakkan persengketaan antara mazhab-mazhab agama, kelas-kelas sosial dan etnik-etnik. Malah, kebudayaan Cina yang mampu mengasimilasi dan mengakulturasi etnik-etnik asing telah dapat memperpanjang daya kekuatan etnik Cina. Lihat "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 196.
[17] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 196.

Pendirian Liang Shuming yang terlalu yakin dan menyanjung tinggi kebudayaan Cina dengan mengetepikan hakikat sebenar menunjukkan lubuk jiwanya yang tidak mengakui kegagalan yang sekian lama melandai kebudayaan Cina. Sikap beliau yang masih asyik terhadap tradisi silam tidak menghairankan kerana ia sebenarnya telah mencerminkan perasaan serba salah kebanyakan orang Cina terhadap kebudayaan diri sendiri. Maka, berlandaskan alasan-alasan yang diberikan oleh beliau, China hanya boleh mengikuti haluan yang berpadanan dengan situasi, kebudayaan tradisi dan semangat orang Cina, iaitu PKD.

Pada luaran, saranan-saranan PKD kelihatan mengangkat setinggi-tinggi martabat kebudayaan Cina, namun sebenarnya Liang Shuming secara implisit telah meminda serba sedikit teori awalnya yang membantah "pengisaran" kebudayaan kepada menerimanya:

> Pembinaan baru [PKD] yang dimaksudkan ialah "komunikasi" dan "pengisaran" semangat yang terdapat pada China dan kelebihan kebudayaan Barat ... ... Dengan adanya "komunikasi" dan "pengisaran", barulah masalah China dapat diselesaikan.[18]
> Pertama, menyerap kelebihan [Barat] untuk mengurangkan kekurangan China, menegaskan berlandaskan semangat etnik [Cina] sebagai asas, ... supaya kebudayaan Cina lama dapat bertukar kepada yang baru[19]

Setelah memperhalusi sari pati PKD, didapati bahawa idea tersebut turut tidak terlepas daripada dilema yang wujud dalam *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*, di mana China perlu mencontohi Barat supaya terselamat daripada keruntuhan dan peminggiran, di samping ingin mengekalkan kebudayaan Cina yang sebenarnya. Kewujudan dilema itu disebabkan Liang Shuming di samping mengetengahkan teknologi sains sebagai import mandatori dari Barat; pada waktu

[18] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 278.
[19] "Xiangcun Jianshe Dayi" (Kerangka Kasar Pembinaan Kawasan Desa), *LSQ*, 1: 611.

yang sama turut ingin mengekalkan organisasi entiti masyarakat Cina supaya bebas daripada pengaruh Barat.

Jika diteliti, PKD dan *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*, kedua-duanya tidak menampakkan banyak perbezaan, malah PKD dapat dianggap sebagai huraian lanjutan dan pengukuhan kepada *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*. Meskipun tema kedua-duanya adalah serupa, tetapi pendekatan dan penekanan analisis Liang Shuming telah beralih dari perspektif falsafah kepada sosiologi dan sejarah.[20] Namun demikian, usaha gigih beliau membuat persediaan dan percubaan untuk merealisasikan impiannya telah gagal kerana keadaan politik China yang senantiasa tidak stabil. Akibatnya, rancangan PKD terpaksa ditangguhkan dan tergendala pada tahun 1937.[21] Walau bagaimanapun, tekad Liang Shuming yang begitu berpegang teguh pada teori dirinya dan berusaha gigih merealisasikannya patut disanjung tinggi kerana peninjauan serta percubaannya menunjukkan kesedaran seorang intelektual China yang sentiasa bersedia memikul obligasi berat untuk menangkis masalah-masalah yang melandai tanahair.

---

[20] Guy S. Alitto, *The Last Confucian: Liang Shu-ming and the Chinese Dilemma of Modernity* (Berkeley: University of California Press, 1986), hlm. 177.

[21] Setelah melawat ke merata-rata tempat pada tahun 1928, Liang Shuming telah berkhidmat sebagai Ketua Pengajar di Kolej Pembangunan Kawasan Desa Henan yang bertanggungjawab merangka kerangka kursus, peraturan-peraturan kolej, sukatan pelajaran dan menulis *Buku Garis Panduan Kolej Pembangunan Kawasan Desa*. Di samping itu, beliau turut menguruskan dua buah majalah yang berkaitan dengan Pembinaan Kawasan Desa (PKD), iaitu *Majalah Bulanan Pembangunan Kawasan Desa* (*Cunzhi Yuekan*) dan *Pembangunan Kawasan Desa* (*Xiangcun Jianshe*). Kerja-kerja sedemikian membolehkan beliau dapat mempromosi teori-teori PKD dan membuat persediaan untuk mengorganisasi PKD. Namun begitu, pada tahun 1930, kolej tersebut terpaksa ditutup kerana perang sivil antara panglima-panglima (*warlord*) China dan kekurangan sumber kewangan. Kemudian, pada tahun 1931, beliau telah mengumpul rakan-rakan yang sehaluan dan pelajar-pelajar didikannya memulakan program PKD di Zouping, wilayah Shandong dan berusaha selama 7 tahun di situ sehingga penaklukan wilayah Shandong oleh tentera Jepun pada tahun 1937, barulah PKD terpaksa diberhentikan

5.3 Pasca *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*: "Mengenali China Kuno, Membina China Baru"

Selepas penerbitan *Kebudayan Timur dan Barat dan Falsafahnya* (1921), karya-karya dan pemikiran Liang Shuming pasca buku tersebut telah mencapai tahap kematangannya apabila *Intisari Kebudayaan Cina* (*Zhongguo Wenhua Yaoyi*) dihasilkan pada tahun 1949.[22] Seperti hasil-hasil terdahulu, *Intisari Kebudayaan Cina* masih menegaskan keistimewaan dan nilai kewujudan kebudayaan Cina; tetapi, beliau telah meninjau tema-tema tersebut melalui pendekatan sejarah dan realiti China, suatu pendekatan yang berbeza daripada perspektif falsafah yang lazim diaplikasikan oleh beliau dahulu kala.

Idea teras *Intisari Kebudayaan Cina* pada dasarnya adalah serupa dengan *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*, walaupun serba sedikit pembetulan dan perubahan telah dilakukan. Namun, tiada cadangan penyelesaian yang konkrit bagi masalah China dikemukakan. Sebaliknya, Liang Shuming semata-mata bertujuan "mengenali China kuno, membina China baru" dan memaparkan suatu "pembesaran" (*amplification*) ciri-ciri masyarakat kuno China.[23] Di samping itu, beliau juga meneruskan kritikannya terhadap idea universalisme kebudayaan seperti dahulu kala dengan menunjukkan kelemahan-kelemahan idea tersebut:

> Pertama, menganggap manusia sejagat adalah serupa tanpa mengira etnik dan kawasan;
> Kedua, apabila tidak dapat lagi menafikan perbezaan yang wujud antara kebudayaan, akan mengatakan [fenomena] itu merupakan "perbezaan minor dalam persamaan major" dan tidak perlu memandang berat kelainan tersebut;
> Ketiga, mempunyai konsep progresif yang mekanikal, sentiasa menganggap [arus] sejarah adalah bergerak ke hadapan, ...

---

[22] *Intisari Kebudayaan Cina* disiapkan pada Jun 1949 dan diterbitkan secara rasmi pada November 1949. Buku itu mengandungi kira-kira 230,000 patah perkataan dan 14 bab. Tambahan lagi, *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* (1921), *Kesedaran Terakhir Gerakan Menyelamat Diri Etnik Cina* (*Zhongguo Minzu Zijiu Yundong zhi Zuihou Juewu*, 1932), *Teori Pembangunan Kawasan Desa* (*Xiangcun Jianshe Lilun*, 1937) dan *Intisari Kebudayaan Cina* merupakan suatu gubahan "kuartet" Liang Shuming yang membincangkan masalah China dan krisis kebudayaan Cina.

[23] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina) (Hong Kong: Sanlian Shudian, 1989), hlm. i-iv.

> Keempat, mendukung fikiran "beransur-ansur maju", tanpa menyedari sejarah manusia mempunyai [keupayaan] melangkaui atau perubahan drastik, atau berlakunya perkara-perkara yang sukar dijangkakan.[24]

Jelasnya, Liang Shuming membantah idea universalisme kebudayaan yang tidak saintifik kerana sungguhpun terdapat perbezaan antara spesies-spesies dalam alam tabii, tetapi tidak semestinya wujudnya peringkat-peringkat tertentu yang wajib dilalui oleh semua spesies.[25] Keyakinan beliau terhadap teori kebudayaannya berpunca daripada tesis Franz Boas (1858-1942), seorang ahli anthropologi Amerika[26] yang menyatakan bahawa:

> ... ... saya bersetuju dengan ahli psikologi yang kritikal mengakui bahawa kebanyakan fenomena mental yang kita ketahui hanya merupakan psikologi orang Eropah dan tidak lebih daripada itu. ... ... Setiap usaha yang [cuba] menyimpulkan jenis-jenis kebudayaan [hanya] terbentuk daripada satu sebab pasti ditakdir kegagalan. ... ... Fenomena kebudayaan merupakan sesuatu yang begitu rumit dan saya meragui samada hukum-hukum kebudayaan yang munasabah dapat ditemui.[27]

Pandangan Boas tersebut amat berguna kepada Liang Shuming. Lantaran, pendapat itu telah diaplikasikan ke dalam *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* dan *Intisari Kebudayaan Cina* demi membuktikan tiada standard muktamad dalam menilai hala tuju dan pencapaian kebudayaan tertentu. Sungguhpun makna positif idea relativisme kebudayaan dalam membantah idea kebudayaan ethno-berpusat (*ethnocentric*) tidak dapat dinafikan; namun, ini tidak bererti kita harus

---

[24] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 38-39.

[25] Beliau menambah bahawa mengikut teori Darwinisme, beruk akan berevolusi menjadi manusia, namun hakikat yang sebenar, manusia dan beruk masing-masing telah mengarah ke hala tuju yang berlainan; begitu juga dengan kebudayaan, masing-masing memiliki keistimewaan tersendiri dan melalui proses perkembangan yang berbeza. Rujuk Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 39

[26] Franz Boas, dilahirkan di Jerman berhijrah ke Amerika Syarikat pada tahun 1888. Pada mulanya, Boas mempelajari fizik dan geografi; kemudiannya bertukar kepada anthropologi dan telah bertindak membantah ahli-ahli anthropologi yang menyokong konsep evolusi, sebaliknya menitikberatkan kepentingan mengkaji adat resam sesuatu etnik berdasarkan konteks sosial masing-masing. Malah, teori unilinear evolusi telah menimbulkan kesangsian pada sekitar 1930-an. Rujuk William A. Haviland, *Cultural Anthropology* (Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers, 1996), hlm. 431; Robert Layton, *An Introduction to Theory in Anthropology* (Cambridge: Cambridge University Press, 1997), hlm. 28-29 dan 127.

[27] Franz Boas, *Race, Language and Culture* (New York: The Free Press, 1966), hlm. 250 dan 256-257

berhenti daripada mengkritik kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sesuatu kebudayaan ataupun idea relativisme itu sendiri.[28]

Kekurangan idea kebudayaan Liang Shuming yang nyata ialah mengabaikan fenomena-fenomena dan hukum-hukum umum yang wujud dalam pembentukan serta perkembangan kebudayaan. Ini bermakna idea beliau menyedari nilai dan kemajmukan budaya, tetapi mengetepikan tahap kemajuan-kemunduran, cemerlang-malap antara kebudayaan yang wujud dalam realiti sebenar. Meskipun begitu, motif sebenar beliau menekankan keistimewaan kebudayaan dan perkembangan sejarah Cina, tetapi menyangkal kemunduran dan kelemahan kebudayaan Cina memaparkan niatnya dan intelektual-intelektual Cina lain yang selama ini cuba "menyetarafkan" kedudukan kebudayaan Cina dan Barat.[29]

Selain itu, perkara yang perlu diberi perhatian adalah teori "Hala Tuju Tiga Kebudayaan" dan "Idea Tri-Tempoh Kebudayaan" Liang Shuming secara tidak sedar diri telah beralih daripada orientasi relativisme kebudayaan kepada suatu standard yang memperlihat ketinggian-kerendahan nilai sesuatu kebudayaan, di mana destinasi muktamad evolusi kebudayaan manusia sejagat berlokasi di kebudayaan Cina dan India, bukannya Barat.[30] Orientasi sebegitu telah diteruskan dalam *Intisari*

---

[28] William A. Haviland, *Cultural Anthropology*, hlm. 49-50.

[29] Joseph Levenson telah menjadikan Cai Yuanpei (1867-1940), seorang intelektual Cina yang berpengaruh sebagai contoh yang cuba "menyetarafkan" antara kebudayaan Cina-Barat dengan harapan memperlihat kedua-duanya sebagai rakan yang benar (*genuine partners*); di samping itu, Cai pernah menyarankan supaya "memilih yang terbaik daripada Timur dan Barat" demi kemajuan serta penyempurnaan kebudayaan Cina. Gagasan Cai Yuanpei sebegitu turut dimiliki oleh Liang Shuming yang senantiasa mengangkat kemartabatan kebudayaan Cina. Rujuk Joseph R. Levenson, *Confucian China and Its Modern Fate* (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1958), hlm. 109-116.

[30] Cao Yueming, *Liang Shuming Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran Liang Shuming) (Tianjin: Tianjin Renmin Chubanshe, 1995), hlm. 293-294; Zheng Dahua, *Liang Shuming Zhuan* (Biografi Liang Shuming) (Beijing: Renmin Chubanshe, 2001), hlm. 361-362.

Kebudayaan Cina dan Liang Shuming menganggap idea kebudayaannya itu merupakan "Teori Evolusi Baru" dengan menyatakan bahawa:

> Dengar khabar, baru-baru ini disiplin anthropologi telah membentuk idea "Evolusi Baru", mereka tidak lagi berpegang pada hukum-hukum rigid, sebaliknya mempunyai suatu prinsip atau kecenderungan perkembangan ... ... mereka mengambil kira bentuk kasar dan membenarkan anomali yang khusus ... ... Sebenarnya, saya berpendapat masa depan kebudayaan manusia sejagat seharusnya mengubah daripada teori evolusi lama yang mempercayai [perkembangan] unilinear kepada konsep multilinear di mana kebudayaan-kebudayaan mempunyai hala tuju masing-masing tetapi akan tiba ke destinasi akhir yang sama.[31]

Daripada kata-kata di atas dan peninjauan terhadap pemikiran Liang Shuming, didapati bahawa idea relativisme kebudayaan dan "Teori Evolusi Baru" merupakan dua teori utama yang sering digunakannya dalam kajian komparatif kebudayaan Timur dan Barat.[32] Ini bermakna apabila beliau menafikan kemunduran kebudayaan Cina, ingin menekankan ciri keistimewaan kebudayaan Cina, idea relativisme kebudayaan akan mendominasi pemikirannya. Manakala, ketika beliau membandingkan keunggulan-kerendahan kebudayaan Timur dan Barat, mempercayai hanya kebudayaan Cina merupakan keakhiran terbaik, "Teori Evolusi Baru" diaplikasikan.

Aplikasi dan percanggahan antara kedua-dua teori tersebut turut kelihatan ketika beliau menganalisa ciri-ciri keistimewaan masyarakat Cina. Walau bagaimanapun, demi "mengenali China kuno, membina China baru", analisa terhadap struktur khusus masyarakat Cina dan pengaruhnya ke atas kebudayaan Cina amat dipentingkan. Lantas, Liang Shuming telah mengemukakan 14 ciri keistimewaan kebudayaan Cina:

1. Tanah luas, populasi banyak;
2. Daya assimilasi dan akulturasi yang tinggi;
3. Sejarah yang lama;

---

[31] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 40.
[32] Zheng Dahua, *Liang Shuming Zhuan* (Biografi Liang Shumiag), hlm. 363.

4. Etnik Cina memiliki suatu kekuatan yang amat besar, bukan bersifat ekonomi, ketenteraan, politik ataupun teknologi sains, tetapi kekuatan yang tidak dapat ditunjukkan secara jelas;
5. Masyarakat yang tidak berubah, kebudayaan yang tidak bergerak maju;
6. Hampir tidak mempunyai kepercayaan agama;
7. Sistem kekeluargaan merupakan aspek yang amat mustahak;
8. Tamadun Cina berkembang pesat, malah ciptaan dan penemuan turut banyak, tetapi sains masih tidak dapat berputik;
9. Tidak muncul permintaan kebebasan, demokrasi, sama rata dan tidak terbentuknya sistem perundangan;
10. "Suasana moral etika" mengatasi dan menguasai bidang ekonomi, politik, undang-undang;
11. China hanya merupakan sebuah entiti kebudayaan, bukannya sebuah negara;
12. Tiada militia;
13. Mementingkan ketaatan dan penghormatan (*xiao*) kepada orang tua;
14. Wujudnya golongan pertapa (*hermit*)[33]

Berdasarkan ciri-ciri di atas, suatu gambaran yang diperolehi ialah kebudayaan Cina tidak mempunyai konsep negara (*nation-state*), pernah melakukan ciptaan kreatif tetapi tidak berkembang menjadi sains, dan selama ini dikuasai oleh sistem kekeluargaan dan moral etika. Dengan itu, Liang Shuming telah merumuskan ciri-ciri tersebut menjadi dua ciri yang utama iaitu struktur masyarakat Cina adalah bersifat "pengkhususan pekerjaan" (*occupationally differentiated*) dan berlandaskan etika serta moraliti. Manakala, masyarakat Barat lebih bersifat individualistik dan wujudnya strata sosial yang nyata.[34] Dengan perbezaan-perbezaan sebegitu, terbentuknya hala tuju dan manifestasi kebudayaan yang unik lagi berlainan antara Cina dan Barat.

---

[33] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 6-21.

[34] Menurut pemahaman Liang Shuming terhadap Barat, beliau menegaskan sepanjang perkembangan masyarakat Barat, masyarakat itu senantiasa wujud pertentangan stratum sosial antara golongan petani-aristokrat yang kemudiannya berubah menjadi borjuis-proletariat. Di samping itu, kebudayaan Cina yang menitikberatkan perhubungan kekeluargaan dan persaudaraan amat berbeza daripada Barat yang lebih mementingkan hak individu. Malah, masyarakat Barat tidak mempunyai sebarang perikatan sesama mereka kecuali perikatan dalam bentuk perundangan. Lihat "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 170-174; Guy S. Alitto, *The Last Confucian: Liang Shu-ming and the Chinese Dilemma of Modernity*, hlm. 179. Walaupun begitu, idea beliau masih terdapat kelemahannya iaitu secara teorinya, perbezaan kelas yang rigid semasa zaman feudalisme China telah runtuh sama sekali sejak berakhirnya zaman Zhou pada 256 S.M., di mana setiap individu berhak memilih pekerjaannya; namun, secara realitinya, kumpulan pekerjaan dan kelas-kelas sosial masih statik di China. Rujuk Olga Lang, *Chinese Family and Society* (Hamden, Conn.: Archon Books, 1968), hlm. 7.

Lantaran, perihal ekonomi, Liang Shuming mengulas bahawa masyarakat yang berlandaskan etika dan moraliti akan berkongsi harta benda dan kewangan sesama suami-isteri, bapa-anak, adik-beradik, saudara-mara serta sahabat-handai. Sebaliknya, masyarakat Barat mengizinkan pemilikan harta benda persendirian dan meminta bantuan kerajaan jika menghadapi kesulitan kehidupan.[35] Dalam politik pula, orang Cina tidak pernah wujud konsep negara seperti Barat, tetapi senantiasa menghormati kewibawaan maharaja, menganggap pegawai tempatan umpama ibu bapa sendiri dan memandang "negara" bagaikan satu keluarga besar.

Selain itu, etika dan moraliti secara implisitnya turut berfungsi seakan-akan agama memandangkan masyarakat Cina pada umumnya tidak mempunyai kepercayaan agama seperti Barat.[36] Oleh itu, Liang Shuming berpendapat bahawa:

> Sekeluarga (termasuk anak dewasa dan adik-beradik), sentiasa berganding bahu berusaha demi masa depan bersama. Dari sini, makna kehidupan seolah-olah telah ditemui mereka.[37]

Petikan di atas bererti setelah masyarakat Cina menikmati kemesraan dan kebahagiaan daripada kehidupan kekeluargaan, jiwa mereka turut menemui tempat kegantungan dan makna kehidupan. Maka, pencarian makna kehidupan daripada

---

[35] Pandangan Liang Shuming mengenai sistem kekeluargaan Cina tersebut mempunyai kebenarannya kerana kebanyakan keluarga Cina dahulu kala mengamalkan pemilikan harta bersama di bawah pengurusan perbendaharaan keluarga. Kemudian, keperluan harian serta wang saku akan diagihkan semula kepada anggota-anggota di samping menekankan sikap saling membantu antara sanak saudara. Rujuk Olga Lang, *Chinese Family and Society*, hlm. 17 dan 21-22. Manakala, Barat yang mulai mengamalkan konsep "masyarakat kebajikan" (*welfare state*), khusunya selepas Perang Dunia ke-2 mempunyai sebab-sebab tertentu di sebaliknya. Rujuk Peter N. Stearns, *European Society in Upheaval: Social History Since 1750* (New York. Macmillan Publishing, 1975), hlm. 295-298.

[36] Pandangan Liang Shuming itu adalah berasas kerana secara amnya idea dan falsafah agama orang Cina tidak serupa dengan Barat yang berfahaman teisme. Ini bermakna orang Cina tidak mementingkan dunia transenden dan tiada konsep Maha Pencipta. Sebaliknya, mereka memandang berat upacara penyembahan nenek moyang demi memelihara tatatertib sosial atau kosmik, dan secara pragmatik sebagai pendekatan untuk mengecapi umur panjang, kekayaan serta zuriat yang ramai. Lihat Robert C. Neville, "The Chinese Case in a Philosophy of World Religions" dalam Robert E. Allinson ed., *Understanding the Chinese Mind: The Philosophical Roots* (Hong Kong: Oxford University Press, 1989), hlm. 59; John L. McCreery, "Traditional Religions of China" dalam Raymond Scupin ed., *Religion and Culture: An Anthropological Focus* (New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 2000), hlm. 276-277.

[37] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 86

Maha Esa ataupun agama bagi orang Cina bukan merupakan suatu perkara yang amat penting. Oleh yang demikian, masyarakat Cina kekurangan kepercayaan agama, sebaliknya berusaha sepanjang hayat mereka untuk kehidupan kekeluargaan yang mengutamakan etika.

Di samping itu, sifat masyarakat yang menitikberatkan etika dan moraliti hanya bagaikan salah satu muka duit syiling, muka yang bertentangan ialah struktur masyarakat yang berwajah "pengkhususan pekerjaan". Liang Shuming berpendapat kewujudan pertentangan antara dua kelas sosial seperti tuan tanah-hamba abdi (zaman feudalisme Eropah) dan bourjuis-proletariat (masa kini) Barat tidak berlaku dalam masyarakat Cina. Kerasionalan pandangan beliau itu adalah berlandaskan pemahamannya terhadap kelas-kelas sosial dan konflik strata-strata sosial akibat daripada pertentangan antara faktor ekonomi dan politik.[38]

Dalam aspek ekonomi, beliau mempercayai kelas sosial yang rigid tidak terdapat dalam masyarakat Cina kerana jualbeli tanah yang bebas di China dan keadaan monopoli tanah yang tidak begitu serius.[39] Ini bermakna masyarakat secara amnya adalah bebas untuk mengumpul kekayaan mengikut kegigihan masing-masing. Manakala kewujudan golongan *gentry* dalam arena politik China sememangnya tidak

---

[38] Sepanjang sejarah sosial Barat, masyarakatnya telah melalui 4 peringkat perkembangan: masyarakat pra-moden (*premodern society*), masyarakat industri awal (*early industrial society*), masyarakat industri matang (*mature industrial society*) dan masyarakat pengguna (*consumer society*). Keempat-empat peringkat itu telah memperlihat pertentangan antara aristokrat (*gentry*, orang kaya, pihak pengurusan) dan kaum tani (petani, artisan, kelas pertengahan), lebih-lebih lagi pergolakan yang berlaku semenjak tahun 1750 di Eropah. Demi mendalami keadaan masyarakat Barat secara menyeluruh dan lengkap, sila rujuk Henry Kamen, *European Society 1500-1700* (London: Routledge, 1994); Peter N. Stearns, *European Society in Upheaval: Social History Since 1750* dan Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 142.

[39] Sungguhpun begitu, pemikiran orang Cina secara amnya masih mempunyai 4 kelas sosial: *shi* (golongan terpelajar yang berkhidmat dalam birokrasi kerajaan/calon-calon pegawai kerajaan), *nong* (petani), *gong* (artisan) dan *shang* (pedagang). Lihat Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 150; Wolfram Eberhard, *Social Mobility in Traditional China* (Leiden: E. J. Brill, 1962), hlm. 5-6

boleh diabaikan kerana sesiapa jua berhak menimba ilmu, menduduki peperiksaan awam dan berpeluang memasuki birokrasi kerajaan jika lulus peperiksaan.[40] Maka, beliau telah merumuskan bahawa sebab-sebab terbentuknya masyarakat "pengkhususan pekerjaan" semenjak dinasti Qin (221-206 S.M.) dan Han (206 S.M.-220) China adalah:

> Pertama, wujudnya banyak pengeluar [petani, artisan] bebas. ... ...
> Kedua, dari segi ekonomi, [taburan] tanah dan modal adalah berselerak dan tidak begitu memusat, lebih-lebih lagi sentiasa beralih tangan, ...
> Ketiga, peluang dalam [penglibatan] politik adalah terbuka. Sistem peperiksaan dan perhatian yang diberikan kepada kawasan-kawasan tempatan adalah sekata, ...[41]

Pandangan Liang Shuming yang mengkategorikan masyarakat Cina sebagai "pengkhususan pekerjaan" yang berlakunya mobiliti sosial yang tinggi, membolehkan beliau menyimpulkan bahawa kedua-dua ciri masyarakat Cina itu adalah saling mempengaruhi. Misalnya masyarakat yang memandang berat etika dengan mengamalkan pembahagian sama rata harta benda antara anak-anak tidak menggalakkan pengumpulan modal dan monopoli ekonomi, maka tiada konflik antara strata sosial, ketidaklahiran kapitalisme dan terbentuknya masyarakat "pengkhususan pekerjaan". Sebaliknya, "pengkhususan pekerjaan" yang tidak menampakkan kemajuan teknologi kerana skala proses pengeluaran kecil-kecilan dan hanya diusahakan oleh unit-unit keluarga telah dapat memperkukuh silaturahim kekeluargaan.

---

[40] Walaupun kebanyakan pendapat menegaskan sistem peperiksaan perkhidmatan awam China merupakan institusi demokratik yang membolehkan setiap individu berkemungkinan mengubah status sosialnya, namun pada hakikatnya mereka telah mengabaikan beberapa fakta bahawa sebenarnya hanya golongan tertentu sahaja dibenarkan menduduki peperiksaan mengikuti kuota yang telah ditetapkan di samping korupsi yang berleluasa untuk "membeli" kelayakan ijazah. Rujuk Wolfram Eberhard, *Social Mobility in Traditional China*, hlm. 22-33.

[41] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 159.

Berdasarkan penelitian Liang Shuming, masyarakat dan kebudayaan Cina yang tidak mempunyai kepercayaan agama yang seragam telah mengakibatkan China tidak mempunyai konsep perundangan dan organisasi secara kolektif. Kekurangan konsep-konsep tersebut menyebabkan China bukan merupakan "tanah subur" bagi demokrasi, kebebasan dan perundangan.[42] Dengan kata lain, fungsi sistem kekeluargaan dan moral etika telah menggantikan ketidakwujudan organisasi-organisasi yang sistematik dan undang-undang Barat dalam kebudayaan Cina. Malah, sebatian kedua-dua ciri itu iaitu kekeluargaan dan moral etika telah menjadi keistimewaan masyarakat Cina.

Setelah menganalisa struktur asas masyarakat Cina, Liang Shuming mendapati bahawa sifat-sifat masyarakat sebegitu mempunyai impak-impak negatifnya. Pertama, strata sosial masyarakat Cina yang tidak sejelas Barat, menyebabkan tidak terbentuknya kuasa yang mampu saling mengimbangi kepentingan-kepentingan masing-masing, dan akhirnya demokrasi moden tidak berputik di China.[43] Kedua, sistem warisan anak laki-laki sulung (*primogeniture*) yang tidak mendorong pengumpulan kekayaan individu telah melemahkan pertumbuhan kapitalisme di China.[44] Ketiga, silaturahim Cina yang berasaskan perhubungan darah menyebabkan seseorang hanya perlu bertanggungjawab kepada pihak yang berurusan secara langsung dengannya, justeru tidak wujud semangat tanggungjawab bersama.[45]

Meskipun masyarakat Cina terdapat serba kekurangannya mengikut analisa Liang Shuming; namun beliau masih teguh mempercayai kebudayaan Cina tetap lebih unggul daripada Barat dengan mengatakan bahawa:

---

[42] Cao Yueming, *Liang Shuming Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran Liang Shuming), hlm. 301.
[43] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 188-189.
[44] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 196-197.
[45] Liang Shuming, *Zhongguo Wenhua Yaoyi* (Intisari Kebudayaan Cina), hlm. 199; Cao Yueming, *Liang Shuming Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran Liang Shuming), hlm. 316.

> Kami mengakui orang Cina mempunyai banyak kekurangan, ... Kegagalan orang Cina kini, [sebenarnya] berpunca daripada kejayaan dahulu. Kelemahan orang Cina sememangnya berasal daripada kelebihannya, kelebihan-kelebihan itu dapat menyelamatkan etnik lama [seperti] kami, membina semula negara kami.[46]

Kata-kata di atas menunjukkan walaupun Liang Shuming menyedari secara realitinya kebudayaan Cina tidak setara Barat, tetapi aspek moral etika dan kerohanian Cina masih jauh lebih unggul daripada Barat. Ini bermakna pemikiran beliau dalam *Intisari Kebudayaan Cina* merupakan kesinambungan daripada *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya.* Lantaran, beliau sebenarnya mengakui tekad minda kebudayaan, sains, demokrasi, perundangan dan kapitalisme Barat telah menyumbang kepada keselesaan dan kemakmuran manusia sejagat. Namun, beliau telah mengehadkan kebudayaan dalam skop sempit iaitu asas kebudayaan bukan bergantung pada nikmat materialistik, tetapi tekad minda dan hala tuju sesuatu kebudayaan.[47] Dengan kata lain, pemikiran yang penuh dengan kontradiksi itulah yang senantiasa mempengaruhi beliau mempertahan keunggulan kebudayaan Timur dan menegaskan ianya adalah destinasi ideal manusia sejagat.

Sepintas lalu, fokus pemikiran Liang Shuming sepanjang hayatnya telah menumpu pada dua persoalan: masa depan China dan pemulihan kekerlipan kebudayaan Cina. Bagi persoalan China, lubuk jiwa beliau mengharap-harapkan demokrasi dan sains Barat supaya China dapat menjejak langkah ke arah modenisasi; tetapi bagi persoalan makna kehidupan, beliau asyik akan utopia Konfusianisme.[48]

---

[46] "Xiangcun Jianshe Lilun" (Teori Pembangunan Kawasan Desa), *LSQ*, 2: 196.

[47] Xiong Lumao, *Liang Shuming de Wenhua Sixiang yu Zhongguo Xiandaihua* (Pemikiran Kebudayaan Liang Shuming dan Modenisasi China), hlm. 252 dan 254.

[48] Keprihatinan beliau yang bersungguh-sungguh terhadap kedua-dua persoalan itu secara tidak langsung telah mempengaruhi dirinya berhajat berperwatakan sebagai seorang "penyelamat" (*messiah*) demi menyahut cabaran dari Barat dan berkeupayaan membawa ketenangan minda serta kebahagiaan kepada manusia sejagat secara amnya dan China secara khususnya. Rujuk Guy S. Alitto, *The Last Confucian: Liang Shuming and the Chinese Dilemma of Modernity*, hlm. 55-56.

Ekorannya, PKD dilaksanakan untuk merealisasikan idealnya. Meskipun begitu, kebuntuan PKD menyebabkan beliau terjerumus ke dalam suatu dilema antara modenisasi dan pengekalan identiti kebudayaan.

Iktikad gigih Liang Shuming seharusnya disanjung tinggi, tetapi kelemahan-kelemahan dalam ideanya dan realiti ketika itu telah menjadi rintangan kepada realisasi idealnya. Misalnya, anjuran polisi agrarian PKD selain memaparkan kekecewaan Liang Shuming terhadap impak-impak negatif industrialisasi dan urbanisasi, ia juga menunjukkan kekurangan pertimbangan menyeluruh beliau terhadap keadaan China waktu itu yang kekurangan sokongan kerajaan, modal, teknologi, tanah dan ketidaksediaan serta ketidaksudian petani-petani mengadaptasi perkara baru.[49] Kekurangan-kekurangan itu secara tidak langsung telah melemahkan keberlaksanaan, keberkesanan dan kemalapan PKD.

Selain itu, pendapat umum yang menyatakan tahap pembangunan akan mempengaruhi keupayaan sesebuah negara mempraktikkan demokrasi, tidak terkecuali pandangan Liang Shuming. Namun, hubungan antara pembangunan dengan pelaksanaan demokrasi masih dapat dipertikaikan dan pada hakikatnya China pernah

---

[49] Mengikut kajian-kajian lepas, kos untuk mengaplikasikan teknologi baru ke dalam bidang pertanian adalah amat tinggi. Selain itu, keengganan petani-petani mengambil risiko untuk mencuba teknologi baru dan taraf pendidikan yang rendah di kalangan mereka telah menyukarkan ataupun menghalang pemindahan dan penyaluran teknologi ke negara pertanian yang mundur. Data-data turut menunjukkan projek-projek pembangunan pertanian di kawasan desa oleh negara-negara dunia ketiga dan organisasi-organisasi sedunia seperti Bank Dunia (*World Bank*), kebanyakan masanya tidak mencapai matlamatnya—pengurangan kadar kemiskinan dan pengagihan sumber kekayaan yang lebih sekata kepada golongan petani. Maka, tidak hairanlah dengan kombinasi kekurangan-kekurangan seperti sokongan padu daripada kerajaan dan badan-badan berkanun, kegagalan PKD sememangnya tidak dapat dielakkan. Rujuk Kaushik Basu, *Agrarian Structure and Economic Underdevelopment* (Chur, Switzerland: Harwood Academic Publishers, 1990), hlm. 11-12; Chris Dixon, *Rural Development in the Third World* (London: Routledge, 1990), hlm. 102-103.

melakukan beberapa eksperimen demokrasi.[50] Manakala, beliau berpandangan bahawa struktur masyarakat Cina tidak memupuk pertumbuhan demokrasi; namun, sebenarnya budaya politik Cina secara umumnya dan Konfusianisme secara khususnya tidak pro-demokratik mahupun anti-demokratik.[51] Maka, kebudayaan tidak sewajarnya dilihat sebagai penghalang demokrasi China; padahal demokrasi tidak setakat membenarkan pilihanraya yang bebas, saksama dan bersaing.[52]

Lagipun, pemikiran Konfusianisme yang optimis dan positif, mempercayai dengan tekad gigih, manusia dapat membina dunia ideal di alam ini telah kuat mempengaruhi minda Liang Shuming untuk merekacipta projek mega PKD yang bercita-cita merombak semula aspek politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan masyarakat China. Secara ringkasnya, sarannan itu kelihatan holisitik, tetapi sebenarnya corak pemikiran beliau masih tidak melepasi perimeter tradisi: tiada jalan pertengahan, toleransi ataupun "pengisaran" perihal kebudayaan.[53] Ini bermakna idea beliau hanya terhad pada perspektif yang lebih idealistik, moralistik dan tidak selaras dengan perkembangan semasa.

---

[50] Antara bentuk-bentuk institusi demokrasi yang pernah dicubai China adalah seperti pilihan wakil wilayah bagi setiap wilayah telah diadakan pada tahun 1909; perhimpunan kebangsaan anjuran kerajaan dinasti Qin (1644-1911) yang dihadiri wakil-wakil wilayah pada tahun 1910; antara tahun 1912-1913 satu parlimen telah dibentuk; pada tahun 1918, satu parlimen baru dipilih dan bertahan sehingga tahun 1923; antara tahun 1912-1937 yang memperlihat kebebasan akhbar, organisasi, akademik dan perbahasan; dan tahun-tahun 1947-1948, suatu pilihan raya telah dianjurkan. Malangnya, siri percubaan tersebut tidak kekal lama dan mengakibatkan tragedi-tragedi sejarah yang sukar dilupai. Manakala, selain daripada faktor tahap pembangunan, terdapat juga sembilan faktor yang menyebabkan kegagalan demokrasi berputik di China. Lihat Andrew J. Nathan, "Chinese Democracy: The Lessons of Failure" dan Suisheng Zhao, "A Tragedy of History: China's Search for Democracy in the Twentieth Century" dalam Suisheng Zhao ed., *China and Democracy: The Prospect for a Democratic China* (New York: Routledge, 2000), hlm. 21-51.

[51] Shaohua Hu, "Confucianism and Western Democracy", dalam Suisheng Zhao ed., *China and Democracy: The Prospect for a Democratic China*, hlm. 55-69; Jin Yaoji, *Zhongguo Zhengzhi yu Wenhua* (Politik dan Kebudayaan Cina) (Hong Kong: Oxford University Press, 1997), hlm. 169 dan 172.

[52] Demokrasi turut seharusnya meliputi kewujudan sebuah masyarakat sivil yang pluralistik, kebebasan akhbar dan kehidupan intelektual, institusi-institusi yang kebertanggungjawaban dan sistem kehakiman yang bebas. Lihat Larry Diomond, "Foreword" dalam Suisheng Zhao ed., *China and Democracy: The Prospect for a Democratic China*, hlm. ix-x.

[53] Xu Zhuoyun, *Zhongguo Wenhua de Fazhan Guocheng* (Proses Perkembangan Kebudayaan Cina) (Hong Kong: The Chinese University Press, 1992), hlm. 50-51.

Meskipun wujudnya serba kekurangan dalam pemikiran Liang Shuming, keadaan itu disebabkan ketika impak Barat terhadap China kian dirasai, intelektual-intelektual Cina telah ghairah mencari resipi dari Barat demi menyelamatkan tanahair.[54] Namun demikian, mereka tidak menganggap resipi yang ditemui sebagai matlamat (*end*), sebaliknya semata-mata suatu pendekatan (*means*). Dengan itu, tidak hairanlah pemikiran beliau berkecenderungan berubah mengikut pendekatan yang dirinya yakin mampu menyelamatkan China: daripada utilitarianisme ke Buddhisme, kemudiannya ke Konfusianisme.

Ringkasnya, Liang Shuming berusaha sedaya upaya sepanjang hayatnya untuk menyelesaikan persoalan bagaimana kebudayaan Cina dapat bersesuaian dengan konteks modenisasi. Justeru, beliau dengan beraninya telah cuba merealisasikan iktikad tersebut melalui PKD walaupun percubaan inisiatif itu tidak berjaya. Semangat beliau yang senantiasa berpegang teguh pada teori-teori diri sendiri dan berikhtiar mengabulkannya memang wajar disanjung tinggi. Malah, peninjauan dan kegagalan beliau perlu didalami supaya suatu jalan penyelesaian alternatif dapat diperolehi melalui renungan tersebut.

---

[54] Suisheng Zhao, "A Tragedy of History: China's Search for Democracy in the Twentieth Century" dalam Suisheng Zhao ed., *China and Democracy: The Prospect for a Democratic China*, hlm. 48.